

Tidak emosional, tidak pula memulangkan paku buah keras

Kematangan Perdana Menteri



Oleh HASHIM YAACOB

MM - 28/1/2004
m/s: 9

SAYA baru pulang dari Dubai minggu ini menghadiri Muktamar Naib Naib Canselor Universiti Negara Islam Sedunia. Saya berasa amat bangga kerana orang di situ sangat menghormati dan menyegani negara Malaysia kita. Mereka kagum dengan pencapaian dan kemajuan kita dalam membangunkan negara dan moral. Tentulah ini kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam yang mengajarnya supaya semua manusia membuat kebaikan untuk dunia dan akhirat. Orang-orang Melayu pula terkenal dengan sopan santun dan budi pekerti yang elok. Maka patutlah kalau masyarakat Malaysia menjalankan penghidupan mengikut ajaran Islam dan budaya Melayu yang murni itu. Tetapi acapkali kita mendengar dan melihat serangan peribadi dilakukan oleh segolongan manusia ke atas manusia yang lain tanpa usul periksa. Perkara ini pasti mendatangkan bencana yang amat dahsyat. Kerja-kerja pembangunan manusia dan negara terbantut sehabatnya.

Saya telah melihat dan membaca bagaimana Haji Hadi menyatakan bahawa Perdana Menteri mengimamkan sembahyang tarawih, sedangkan tidak mengimamkan sembahyang jenazah ibunya. Segala apa yang baik dilakukan seseorang seperti mengimamkan sembahyang hendaklah dilihat sebagai ibadah yang baik dan bukannya sebagai sesuatu yang dijadikan bahan untuk mengata. Di dalam hal ibadah sembahyang tidak ada gimik kerana ini datang daripada hati yang ikhlas. Sehingga ibadah mulia Perdana Menteri mengimamkan sembahyang pun ada orang pertikaikan? Sukalah saya mengingatkan diri kita tentang bagaimana Allah melarang orang beriman daripada berprasangka, mencari-cari kesalahan orang lain dan mengata orang lain. Allah membayangkan bahawa orang yang melakukan perkara-perkara ini akan dihukum memakan daging saudaranya sendiri yang sudah mati (surah al-Hujarat:11). Ramai orang berasa yang Haji Hadi telah berprasangka, mencari kesalahan Perdana Menteri dan mengatanya bersabit dengan pengimaman sembahyang tarawih yang dilakukannya. Saya tahu bahawa ramai ustaz yang alim

mengimamkan sembahyang tarawih dan sembahyang-sembahyang yang lain, tetapi tidak mengimamkan sembahyang jenazah ibu bapa mereka sendiri. Bila saya tanya mereka kenapa tidak, mereka menjawab kerana kematian ibu bapa meletakkan mereka dalam keadaan yang teramat sedih dan sugul. Kalau mereka menjadi imam sembahyang jenazah sewaktu ini, tentu tidak dapat khusyuk sepenuhnya dan mungkin tidak kesampaian atau afdal sembahyang itu. Oleh itu lebih baiklah diwakilkan kepada orang lain yang tidak dalam keadaan begitu bagi mengimamkan sembahyang jenazah itu. Tetapi sebaliknya dalam keadaan lain di mana kesedihan tidak ada, pengimaman pasti boleh dilakukan dengan sempurna. Inilah juga rasa hati saya sebabnya mengapa ramai anak tidak dapat mengimamkan sembahyang jenazah ibu bapa sendiri.

Tahukah saudara bahawa kebanyakan pakar bedah dalam dunia perubatan tidak sanggup membedah ibu bapa sendiri kerana keadaan mental dan emosi masing-masing yang tidak ketentuan apabila menghadapi penderitaan yang ditanggung oleh ibu bapa yang disayangi lagi dikasihi? Mereka lebih reda pembedahan ke atas ibu bapa mereka ini dijalankan oleh pakar bedah lain yang mereka ketahui tidak dibebani oleh tekanan perasaan seumpama itu, demi untuk keselamatan dan kesejahteraan ibu bapa mereka. Perasaan pakar bedah yang tidak sanggup membedah ibu bapa sendiri ini adalah persamaan dari banyak segi dengan ketidakmampuan anak-anak untuk mengimamkan sembahyang jenazah ibu bapa masing-masing. Saya sendiri sebagai pakar pembedahan pergisian tidak pernah sanggup membuat pembedahan ke atas ibu bapa atau adik-beradik saya sendiri, kerana sebab yang sama. Saya pernah meminta rakan-rakan saya seawatan untuk melakukannya.

Membaca kata-kata Haji Hadi ini, maka teringatlah saya pada istilah ujub yang bermakna berbangga diri atau menghairani diri sendiri kerana alim, warak, pintar, berjaya dan sebagainya (Johari Alias - DBP 2001). Ada orang menjadi ujub kerana menegakkan pendapatnya yang tidak berasas. Dalam hal ini, Allah mengingatkan manusia supaya jangan sentiasa merasakan diri mereka itu betul dan cuba sentiasa menegakkan benang basah. Surah al-Kahfi: 104 menyebutkan: *Dan mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan.* Maka orang yang ujub sebegini hendaklah mengambil maklum ayat ini. Allah juga tidak menyukai seseorang mengisytihar kepada umum perkara yang buruk melainkan jika teraniaya. Tetapi kalau seseorang itu menyatakan kebaikan atau memaafkan kejahatan, Allah amat pemaaf lagi maha



ABDULLAH Ahmad Badawi seorang pemimpin yang sabar, tidak tercabar dengan perkara remeh.

kuasa (surah an-Nisa: 148-149). Kepada orang-orang yang suka menjatuhkan nama baik orang lain dan menyebarkan kejahatan, Allah ada berfirman: *Barangsiapa yang gemar menyebarkan skandal di kalangan orang beriman, akan ditimpa hukuman berat di dunia dan di akhirat.*

Dalam menjawab Haji Hadi, saya tertarik dengan jawapan Perdana Menteri yang berbunyi:... buat apa mengata orang, tak payah. Yang kita nak ialah kita ada program yang perlu kita terangkan kepada rakyat. Bukan kita mengata orang maknanya kita yang lebih baik, tak semestinya begitu.

Kata-kata ini melambangkan kematangan dan kewarasan fikiran Perdana Menteri, tidak emosional dan tidak pula memulangkan paku buah keras. Tiada juga kemarahan atau dendam untuk menjawab kembali tohmahan yang remeh itu. Perdana Menteri tidak menghiraukan kata-kata itu kerana dia faham dengan firman Allah (al-Araf 7: 199) yang berbunyi: *Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan hiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).*

Allah berfirman bahawa sesiapa yang mengampuni, kesalahan orang lain, maka dia dinaikkan taraf ke tahap kemuliaan yang tinggi (muhsinin) (surah al-Imran: 134).

Antara sifat-sifat pemimpin sebenar ialah berada dalam keadaan matang, waras, sabar, tidak tercabar dengan perkara remeh, pemaaf dan mampu berdiri di atas

kekuatan sendiri. Perdana Menteri mempunyai semua sifat ini dan saya jangka beliau juga telah memberi keampunan ke atas kata-kata yang berniat tidak baik terhadapnya itu.

Bercakap tentang kematangan pemerintahan, saya ada satu cerita tentang pemerintahan New Zealand. Sebelum tahun 1972, New Zealand ditadbir oleh kerajaan Parti Nasional di bawah pimpinan Keith Holyoake, rakan seawatan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra. Negara itu berada dalam keadaan aman damai dan stabil. Saya kira keadaan ini berlaku kerana pentadbir negara pada waktu itu mempunyai pengalaman yang luas setelah memerintah negara itu untuk sekian lama. Pengalaman telah mengajar mereka menjadi pemerintah yang mahir dan cekap. Sebotol susu lembu asli pada waktu itu hanya berharga enam sen. Barang-barang lain juga murah harganya, sehinggakan saya yang hanya menjadi pelajar universiti tahun pertama pada waktu itu berasa hidup di negara itu sangat mudah. Kemudian pada sekitar tahun 1972, pilihan raya menjelang tiba. Parti Buruh yang sekian lama menjadi pembangkang kerajaan, dan tidak pernah menang menggempur pemerintahan kerajaan dengan slogan yang berbunyi *Time for Change* atau *Kini masanya untuk menukar*. Slogan ini pada hakikat kelihatan menang sahaja. Tetapi rupa-rupanya kebanyakan rakyat New Zealand yang hanya tiga juta orang pada waktu itu berasa amat tertarik dengan slogan ini. Tanpa memikirkan hal lain, rakyat pun

keluar mengundi, dan parti pembangkang Buruh pun menang. Cook, ketua Parti Buruh pun menjadi Perdana Menteri. Kebanyakan rakyat berasa gembira kerana mendapat kerajaan baru. Tetapi malangnya setelah beberapa bulan memerintah negara, keadaan mula menjadi serba salah. Ada-ada sahaja yang tak kena, dan negara bergelora. Cook tidak dapat menangani masalah, dan tidak lama kemudian dia meninggal dunia. Tanpanya kerajaan menjadi bertambah kacau. Harga sebotol susu naik dan begitu jugalah barangan lain. Parti Buruh yang tidak mempunyai pengalaman memerintah negara waktu itu tidak mampu mentadbir negara. Kerana inginkan yang baru semata-mata, kerana terlalu taksab dengan slogan *Time for Change* rakyat negara itu menerima padah di tangan sendiri. Saya yang masih menuntut di New Zealand pada waktu itu menyaksikan suasana ini. Kesian Pak Kadok, ayamnya menang, kampungnya tergedai (di New Zealand pun ada Pak Kadok juga).

Akhirnya rakyat sadar bahawa yang mentah itu tidak setanding dengan yang masak. Lalu pada pilihan raya berikutnya, Parti Nasional kembali memerintah New Zealand dan Parti Buruh kalah teruk. Demikianlah iktibar yang mesti dijadikan pegangan. Nasib rakyat dan negara tidak boleh diperjudikan dengan percubaan.

● PROF. DATUK DR. HASHIM YAACOB ialah Naib Canselor Universiti Malaya. Hashimy@um.edu.my